



KENANGAN: Sitti Raehanah (duduk, kiri) merakamkan gambar kenangan bersama semua wakil universiti dari Malaysia pada mesyuarat MYSUN.

UMS komited jalin hubungan kerjasama

Dengan semua universiti dalam negara dan Eropah
UB 09.03.2015

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus komited dalam menjalinkan hubungan baik dengan semua universiti dalam negara serta Eropah.

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI) UMS Prof Madya Dr Sitti Raehanah Mohd Shaleh berkata, dengan adanya EcoCampus, UMS akan terus komited untuk bekerja secara proaktif sebagai ahli dalam Malaysian Sustainable University Campus (MYSUN).

“Sokongan juga diberikan oleh the European Commission program of ERASMUS serta kebolehan membangunkan pendidikan lebih tinggi akan membolehkan UMS mendapat markah lebih tinggi dalam kelestarian kampus,” katanya dalam satu kenyataan di sini selepas

hadir dalam satu mesyuarat MYSUN kelmarin.

Selain beliau, pasukan UMS juga terdiri daripada Prof Madya Dr. Abentin Estim sebagai Ketua Projek UMS dan Timbalan Pengarah BMRI UMS Prof Madya Dr. Faihanna C. Abdullah.

Sitti Raehanah menjelaskan mereka telah menyertai satu mesyuarat yang diadakan di Universidad de Alicante, Sepanyol yang bermula pada 2 Mac lalu.

Mereka turut disertai oleh rakan-rakan dari universiti negara ini seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Multimedia University (MMU) dan Kementerian Pendidikan.

Katanya, mesyuarat diadakan akan diteruskan dengan kajian berkaitan dengan kelestarian. Interaksi yang diadakan akan menyumbang ke arah mentransformasikan kampus universiti di Malaysia sebagai ‘living laboratories’ untuk kelestarian dan penggunaan tenaga yang berkesan.

“UMS akan menggunakan pendekatan sistem berkeenaan untuk terus meningkatkan komitmen ke arah kelestarian dengan mengadakan program terperinci.

“Ini akan disampaikan menerusi modul pengajaran, program penyelidikan dan pembangunan bagi mencapai pelbagai aktiviti dengan menumpukan ke arah gaya hidup kelestarian serta ekonomi hijau,” katanya.

Katanya, usaha berkenaan juga mampu membantu Malaysia mencapai sasaran dalam pembangunan lestari.